



## KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



---

### LAWATAN KERJA MENTERI SUMBER MANUSIA KE TAPAK PEMBINAAN MRT – STESEN TUN RAZAK EXCHANGE

Kuala Lumpur, 21 Ogos – Menteri Sumber Manusia, YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem mengadakan lawatan kerja ke Tapak Pembinaan MRT – Stesen Tun Razak Exchange bagi meninjau tahap keberkesanan langkah-langkah pencegahan dan kawalan yang telah diambil oleh kontraktor utama, MMC Gamuda KVMRT Sdn Bhd, dalam memastikan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) di tapak bina.

Setakat ini, Jabatan Keselamatan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Kementerian Sumber Manusia (KSM) berpuas hati dengan penambahbaikan aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja yang dilaksanakan oleh MMC Gamuda KVMRT Sdn Bhd, berdasarkan kepada audit yang dijalankan menggunakan pendekatan baharu “Model Penyeragaman Penguatkuasaan (EUM)”. EUM berkonsepkan kawalan risiko yang perlu dilaksanakan menurut kehendak akta, peraturan, tata amalan industri dan piawaian KKP. Sekiranya kawalan risiko didapati tidak memuaskan, pegawai JKKP akan mengambil tindakan seperti mengeluarkan notis pembaikan, notis larangan (pemberhentian kerja), kompaun dan pendakwaan. Pendekatan ini membolehkan penguatkuasaan dijalankan dengan lebih seragam dan berkesan.

Beliau berkata, menerusi kaedah pendekatan penyeragaman penguatkuasaan ini, MMC Gamuda KVMRT telah diberi penarafan 5 bintang bagi kerja-kerja di tempat tinggi dan kerja-kerja konkrit.

Pendekatan ini akan digunakan di seluruh negara terutamanya dalam sektor pembinaan bagi memastikan kerja-kerja konkrit yang melibatkan *formwork* dan *falsework* mematuhi aspek KKP. KSM juga akan mengkaji cadangan melarang penggunaan perancah jenis *frame* daripada dijadikan struktur-struktur sementara untuk menyokong acuan konkrit.

...lagi

Tambah beliau, projek-projek pembinaan seperti projek MRT boleh mengundang pelbagai risiko kepada pekerja dan orang awam. Sehubungan itu, setakat Jun 2015, JKPP telah menjalankan 242 pemeriksaan. Daripada jumlah tersebut, JKPP mengeluarkan 103 notis dan mengenakan 2 kompaun serta 2 tindakan mahkamah terhadap kontraktor-kontraktor yang terbabit atas pelbagai kesalahan.

Susulan itu, pihak MRT sebagai pemaju telah mengambil inisiatif dan langkah-langkah penambahbaikan bagi mengurangkan risiko kepada pekerja dan orang awam. Ini termasuklah meningkatkan penguatkuasaan berkala dan mengutamakan aspek latihan kepada pekerja dengan menubuhkan Pusat Latihan KVMRT di Sungai Buloh, Selangor.

Beliau turut menggesa kontraktor-kontraktor pembinaan supaya meningkatkan pengurusan KKP dengan mengenal pasti semua bahaya, menyemak semula penilaian risiko dan memastikan langkah kawalan dilaksanakan serta mengadakan program KKP yang lebih berkesan.

*Tamat.*

Tarikh siaran : 21 Ogos 2015  
Dikeluarkan oleh KSM

---

**Kementerian Sumber Manusia**  
**Aras 9, Blok D3, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan PUTRAJAYA**  
**Tel : 03 8886 5004 / 5264 Fax : 03 8889 2354**



